


**"PEMBANGUNAN INSTITUSI FATWA DI
MALAYSIA: SATU ANALISA TERHADAP
PERKEMBANGAN SEMASA"**

Oleh
Y.BHG. PN. NOOR NAEMAH BINTI ABDUL RAHMAN

(Ketua Jabatan Fiqh dan Usul
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

Jabatan Mufti Negeri Selangor

**Seminar
Pembangunan
Ummah**
Peringkat Negeri Selangor



PENDAHULUAN

Kertas kerja ini pada dasarnya akan terbahagi kepada beberapa bahagian khusus yang saling berkait antara satu sama lain, merujuk kepada tema utama iaitu realiti pembangunan yang telah berlaku dalam institusi fatwa di Malaysia. Asas dan sumber utama untuk menilai perkembangan pembangunan institusi fatwa ini akan dirujuk kepada beberapa peruntukan yang berkaitan dengan institusi fatwa di Malaysia. Akhir sekali, beberapa cadangan yang bersifat objektif akan cuba diketengahkan untuk memajukan lagi proses pembangunan institusi fatwa di Malaysia.

KEPENTINGAN KAJIAN INI DI DALAM KERANGKA PENGAJIAN ISLAM MODEN

Merujuk khusus kepada disiplin perundangan Islam khususnya dan perkembangan Islam di Malaysia amnya, kajian ini mempunyai beberapa kepentingan yang utama, antaranya yang **pertama**, sebagai sumber asas untuk mengetahui tentang bagaimana bentuk pengamalan dan pengawalan ajaran Islam yang terdapat di dalam masyarakat Melayu semasa. Hal ini bersesuaian dengan sifat ajaran Islam sendiri yang bukan hanya untuk difahami bahkan perlu diamalkan di dalam kehidupan. Maknanya, kefahaman tentang ajaran Islam zaman moden ini perlu dinilai bukan setakat dari pengamalan masyarakat awam, malah boleh dilihat dari sudut respon penyelesaian masalah melalui institusi fatwa yang dikemukakan oleh seseorang mufti.

Keduanya, sebagai sumber untuk mengetahui tahap keserjanaan ulama' Melayu semasa dalam usaha mereka mengajar, menyusun dan menerapkan ajaran Islam ke dalam masyarakat, yang disalurkan secara tidak langsung melalui institusi fatwa. Dalam soal ini, terdapat sesetengah sarjana moden yang melihat secara negatif terhadap pencapaian ulama' Melayu. Antara nisbah buruk yang kerap dikaitkan dengan ulama' adalah kononnya golongan ini mempunyai masalah luaran dan dalaman dalam berfikir, seperti jumud, *backward looking*, keras kepala, gila kuasa, terlalu mementing politik kepartian dan menolak segala bentuk pemodenan. Hal yang sama juga suatu masa dahulu pernah disuarakan oleh sarjana barat yang rata-ratanya mengatakan ulama' Melayu silam sebagai jumud, tidak menyumbangkan apa-apa sumbangan yang bermakna dalam keilmuan Islam, terlalu terpengaruh dengan pendekatan taqlid dan terlalu mengikut kehendak raja Melayu. Tanpa maklumat ini, kita akan gagal menjawab segala tohmahan buruk yang diberikan oleh musuh Islam.

Ketiganya, dapat meneliti secara pasti segala perkara membabitkan pandangan mufti sendiri mahupun peraturan teknikal terbaharu yang ditetapkan oleh pihak kerajaan di dalam usaha memperkemaskan institusi fatwa berhadapan dengan cabaran dunia moden. Dengan cara ini secara tidak langsung kita akan dapat memastikan sifat dan bentuk pengamalan institusi fatwa yang terkini, samada ianya bersesuaian dengan aliran moden ataupun tidak.

Keempatnya, selain daripada bergantung kepada kajian-kajian lepas yang pernah dibuat terhadap institusi fatwa di Malaysia, kajian ini pada dasarnya menggunakan kaedah kajian lapangan (kajian kes) yang mencuba secara objektifnya meneliti persoalan samada institusi fatwa di Malaysia ini berkembang dan mengalami perubahan ataupun tidak.

Kelimanya, kajian ini akan menerapkan kaedah sosiologi hukum untuk institusi fatwa di Malaysia. Kaedah ini bertujuan memastikan keseimbangan di antara idealisme yang terkandung dalam hukum Islam dengan realiti pelaksanaannya dalam masyarakat (*law in action*), yang menggunakan pendekatan kajian sosiologi hukum Islam. Memandangkan kaedah ini masih lagi terlalu baru, proses

pembangunan kaedah ini perlu dibangunkan secara sintesis oleh sarjana hukum Islam moden berasaskan kepada disiplin sosiologi undang-undang barat.

Antara kandungan yang difikirkan perlu untuk kaedah sosiologi hukum Islam ini adalah.

- (a) Kajian keberkesanan hukum Islam yang telah dilaksanakan di dalam masyarakat, samada ianya mampu menyelesaikan masalah hukum ataupun sebaliknya.
- (b) Kajian tentang dampak hukum Islam yang terlaksana yang menumpukan perhatian terhadap kesan dari aplikasi hukum untuk jangka masa panjang dan pendek.
- (c) Kajian tentang struktur dan organisasi yang bertanggungjawab memutus dan menguatkuasakan hukum Islam di dalam masyarakat.
- (d) Kajian tentang teori-teori yang menjayakan dan mengagalkan pelaksanaan hukum Islam yang kedapatan di dalam sejarah perundangan Islam.

PERKEMBANGAN DAN PROSES PEMBANGUNAN INSTITUSI FATWA DI MALAYSIA : ANALISIS SEMASA

Fatwa biasa diertikan sebagai jawapan hukum yang dikemukakan sebagai respon kepada persoalan yang diajukan. Dengan demikian fatwa dilihat sebagai mempunyai kedudukan yang penting dalam perundangan Islam, bahkan ia dianggap sebagai instrumen yang membantu perkembangan hukum Islam. Ia juga menjadi refleksi kepada amalan hukum yang berlaku dalam sesuatu masyarakat. Oleh itu bentuk pemikiran hukum sesuatu zaman diwakili oleh bentuk fatwa yang diputuskan. Ia tidak sama sekali hasil spekulasi dan rekaan para ulama' sesuatu zaman namun ia berasaskan realiti sebenar dalam masyarakat. Atas dasar ini, kita boleh melihat bagaimana para pengkaji barat di dalam mengkaji realiti perkembangan perundangan Islam semasa, berbanding dengan perkembangan sejarah silam, telah memberi perhatian yang lebih terhadap institusi fatwa yang diamalkan dalam masyarakat Islam.

Fatwa dengan demikian akan berkembang selari dengan perkembangan isu dan permasalahan hukum yang berlaku dalam masyarakat. Makin maju sesebuah masyarakat makin menggiatkan lagi institusi fatwa kerana ia menjadi alat utama dan medium terpenting untuk berhadapan dengan tuntutan keperluan masyarakat. Sehubungan dengan itu aktiviti fatwa sangat berhubungan rapat dengan kegiatan ijtihad bahkan fatwa tidak akan dikemukakan kecuali setelah berlakunya kajian dan penyelidikan.

Penelitian kepada senario aktiviti fatwa yang berlaku di Malaysia menampakkan beberapa perkembangan menarik yang boleh dinilai sebagai sebahagian dari unjuran perkembangan yang berlaku dalam amalan fatwa di Malaysia. Perkembangan ini menggambarkan bagaimana amalan fatwa yang berlaku di negara ini telah melalui beberapa proses pengembangan. Ia secara nyata banyak merujuk kepada beberapa peruntukan enakmen berkaitan amalan fatwa dan pentadbiran fatwa di negeri-negeri di Malaysia.

FAKTOR PEMANGKIN KEPADA USAHA PEMBAHARUAN INSTITUSI FATWA DI MALAYSIA

Sebelum penelitian khusus dibuat terhadap realiti perkembangan institusi fatwa, sebaiknya kita perlu meneliti faktor dan sebab utama yang menyebabkan kewujudan usaha reformasi terhadap institusi fatwa di Malaysia. Berbanding dengan zaman sebelum era kebangkitan Islam, iaitu di tahun-tahun sebelum 1970an, kita mendapati bagaimana pihak kerajaan kurang memberikan perhatian terhadap usaha memperkembangkan nilai-nilai Islam yang lebih bersifat mendasar. Hal ini antara lainnya berpunca dari pengaruh fahaman sekularisme tinggalan penjajah British masih kuat bertapak dalam birokrasi pentadbiran kerajaan di Malaysia selepas merdeka.

Keadaan ini kemudiannya telah mula berubah di tahun 1970an dengan berlakunya arus gerakan kebangkitan semula Islam dari luar negara, yang sebahagian besar telah mempengaruhi semua lapisan masyarakat di Malaysia. Di dalam dekad tersebut, kita boleh menyaksikan perkembangan pesat dilihat dari kewujudan dan pengaruh pelbagai badan dakwah yang rata-ratanya

dianggotai oleh golongan muda dari pelbagai latar belakang pendidikan. Kebanyakan badan dakwah ini telah memberikan penekanan kepada usaha menimbulkan kesedaran masyarakat tentang; (i) keburukan faham sekularisme tinggalan penjajah British yang sebahagian besarnya dilihat masih lagi secara kuat cuba dikekalkan dalam pemerintahan negara; (ii) kerelevanan ajaran Islam berhadapan dengan perubahan zaman moden yang barang pastinya terpaksa melalui proses penyucian yang rapi akibat dari pengaruh sekularisme dan budaya taqlid dan (iii) kritikan terhadap ketidak cekapan agensi pentadbiran undang-undang Islam yang dilihat amat menyedihkan berbanding dengan agensi biasa yang bersifat bukan agama.

Desakan dan gagasan badan dakwah ini sebahagian besarnya telah berjaya mendapat sokongan dan simpati dari masyarakat massa yang agak besar, sehingga menyebabkan pihak kerajaan mengubah sikap yang anti kepada gagasan Islam kepada suatu pendekatan yang lebih bersifat *receptive*, dengan tuntutan badan dakwah ini. Salah satu dari sikap *receptive* ini boleh dilihat dari tindakan penubuhan Jawatankuasa Teknikal Syariah dan Sivil, yang bertujuan antara lainnya;

- 1) Mengkaji dan menyelaraskan undang-undang pentadbiran hal ehwal Islam di seluruh negeri di Malaysia.
- 2) Menyediakan draf undang-undang dan prosedur Mahkamah Syariah yang baru apabila difikirkan perlu.
- 3) Mengkaji peruntukan yang ada dalam undang-undang sivil yang difikirkan bercanggah dengan undang-undang Islam supaya ia dapat diselaraskan dengan Islam.
- 4) Mengutamakan cadangan dan perakuan kajian yang dibuat terhadap draf undang-undang pentadbiran hal ehwal Islam yang disediakan kepada jawatankuasa induk, Jabatan Perdana Menteri dan lain-lain pihak yang berkenaan dan terbabit untuk tindakan selanjutnya.

Berbanding dengan realiti institusi fatwa sebelum usaha reformasi dilakukan, tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa sebahagian besar perkembangan positif yang lebih mendasar bersesuaian

dengan semangat tajdid dapat dikesan dalam institusi fatwa di Malaysia. Antara perkembangan positif ini adalah:-

(1) Penetapan kuasa Mufti dan Jawatankuasa Fatwa yang lebih baik dan berkesan.

Antaranya yang berkait dengan kuasa mufti dan Jawatankuasa Fatwa Negeri. Antaranya yang berkait dengan prosedur mengeluarkan fatwa. Menyentuh kuasa Mufti dan Jawatankuasa Fatwa, Mufti-Mufti dan Jawatankuasa Fatwa mempunyai kuasa untuk mengeluarkan fatwa hukum bagi isu-isu yang berbangkit samada melalui pertanyaan dari orang perseorangan atau agensi-agensi tertentu mahu pun dari inisiatif pihak berkuasa fatwa sendiri. Dengan maksud Jawatankuasa Fatwa atau Mufti bebas membuat perbincangan hukum atas keperluan tertentu tanpa didahului sebarang permohonan. Sebelum sesuatu fatwa dikeluarkan beberapa proses pentadbiran perlu dilalui. Menurut peruntukan enakmen negeri-negeri, sesiapa pun boleh memohon fatwa hukum dengan menulis surat kepada Majlis Agama Islam Negeri melalui setiausahanya. Setiausaha kemudiannya akan menyerahkan surat berkenaan kepada Mufti sebagai Pengerusi Jawatankuasa Fatwa untuk tindakan selanjutnya. Terpulanglah kepada Mufti sama ada untuk memajukan persoalan yang dibangkitkan kepada persidangan jawatankuasa mahu pun menyelesaikannya secara peribadi. Selalunya isu-isu yang bersifat kritikal akan dimajukan kepada persidangan. Sementara isu-isu yang remeh bahkan lebih bersifat soal jawab agama akan hanya diselesaikan oleh Mufti. Mufti juga boleh mengabaikan persoalan-persoalan yang difikirkan tidak perlu dilayan atas sebab-sebab yang munasabah. Jika beliau melihat keperluan membincangkan persoalan yang berbangkit dalam persidangan jawatankuasa, dia dikehendaki menyediakan rangka fatwa untuk dijadikan bahan perbincangan. Mufti atas kapasitinya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Fatwa boleh mengadakan persidangan pada bila-bila masa jika didapati keperluan melakukan demikian.

Dalam menentukan keputusan fatwa bagi isu yang dibahaskan, keputusan sebulat suara atau suara majoriti diperlukan. Jika draf fatwa yang dicadangkan mendapat

persetujuan sebulat suara dari ahli Jawatankuasa Fatwa, Pengerusi hendaklah mengemukakan terus fatwa atas nama dan bagi pihak Majlis. Jika kata sepakat tidak diperolehi, perkara tersebut dirujuk kepada Majlis yang akan mengeluarkan pendapat menurut pandangan majoriti ahlinya. Dalam hal ini, Majlis seolah-olah menjadi badan penentu kepada keputusan fatwa terutamanya bagi fatwa-fatwa yang tidak mendapat persetujuan sebulat suara dari ahli jawatankuasa. Bahkan menurut peruntukan enakmen yang ada di negeri Perlis, jika sesuatu keputusan hukum itu telah dipersetujui oleh majoriti ahli Jawatankuasa Fatwa tetapi tidak dipersetujui oleh Majlis, maka hal tersebut akan dibawa kepada D.Y.M.M. Sultan untuk mendapat keputusannya atas kapasitinya sebagai kuasa tertinggi agama. Dengan demikian, ia memberi erti, Majlis dalam hal ini boleh untuk tidak bersetuju dengan pandangan ahli Jawatankuasa Fatwa sehinggalah keputusan akhirnya diserahkan kepada D.Y.M.M. Sultan. Namun dalam hal ini, enakmen Terengganu dengan secara jelas menyebutkan, sebarang keputusan yang diambil dalam isu yang berbangkit hendaklah dirujuk kembali kepada Jawatankuasa Fatwa. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu seksyen 25 (5) ada menyebutkan :

"Jika, dalam perkara mengenai Hukum Syara' tidak dapat membuat keputusan maka Jawatankuasa Fatwa dipanjangkan kepada Majlis untuk perkara itu hendaklah kemudiannya hendaklah apa-apa pandangannya yang bagi dirujuk kembali kepada Jawatankuasa Fatwa membuat keputusan".

(2) Penetapan dan kuasa kepada mufti untuk melakukan penyelidikan hukum yang lebih bersifat ilmiah di dalam usaha pengeluaran fatwa.

Dalam menyediakan draf fatwa, Mufti diberi kuasa untuk mengarahkan suatu kajian atau penyelidikan terdahulu dilakukan sebelum persidangan diadakan. Perkara ini telah disebut secara jelas dalam enakmen-enakmen negeri. Sebagai contoh Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, Bil. 7 Tahun 1993 ada menyebutkan:

"Sebelum Mufti membuat fatwa, dia boleh menyebabkan kajian-kajian atau penyelidikan dibuat sebagaimana yang diarahkan olehnya dan kertas kerja disediakan".

Peruntukan seumpama ini menjadi perkara yang asas dan penting dalam amalan fatwa, kerana dengan kajian dan penyelidikan, keputusan fatwa yang diambil akan lebih matang dan meyakinkan. Dengan kajian ini juga pihak berkuasa fatwa negeri sama ada Mufti atau pun Jawatankuasa Fatwa akan mempunyai ruang yang mencukupi untuk membuat semakan dan penilaian yang teliti kepada butiran isu yang berbangkit. Proses kajian dan penyelidikan yang sistematik itu penting dalam membuat keputusan fatwa, kerana fatwa itu sendiri bukan merupakan pandangan hukum yang 'spontan' dan tanpa disiplin tertentu. Bahkan ia adalah satu proses pemetikan hukum yang bersistematik.

Dengan peruntukan ini juga dapat difahami, penyelidikan dan kajian tersebut tidak hanya terhad untuk dilakukan oleh pihak-pihak berkuasa fatwa, bahkan ianya juga boleh dilakukan dengan bantuan pihak lain. Menurut laporan Projek Penganalisan Fatwa-fatwa Semasa Di Malaysia antara bentuk penyelidikan yang dilakukan adalah seperti kajian perpustakaan, kajian lapangan, meminta penjelasan dan penerangan dari pihak-pihak yang berkaitan, meminta bantuan penyelidikan dari Institusi-institusi Pengajian Tinggi dan lain-lain. Namun antara yang paling kerap digunakan adalah dalam bentuk perbincangan, kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

Namun menurut laporan tersebut lagi, dalam hal ini, Jabatan Mufti nampaknya masih tidak menampakkan suatu agenda yang terancang dan jelas ke arah membudayakan aspek ini dalam kegiatan kefatwaannya. Antara faktor yang merumitkan berlangsungnya kajian-kajian secara lebih terbuka dan meluas adalah masalah kos dan pembiayaan. Selain itu, sikap pihak berkuasa fatwa yang merasa berpada dengan kemudahan Bahagian Penyelidikan Pejabat Mufti juga telah turut menyumbang kepada ketidakaktifan aktiviti kajian dan penyelidikan yang sepatutnya dimanfaatkan. Atas kedudukan Jabatan Mufti sebagai tempat rujuk bagi hukum Islam, sepatutnya kegiatan penyelidikan sentiasa digiatkan terutamanya bagi menangani persoalan-persoalan aktual yang sentiasa bercambah dalam masyarakat. Membuat kajian dan penyelidikan menjadi perkara dasar dalam amalan fatwa

kerana penyelidikan yang mendalam menjadi tabiat kepada amalan fatwa dalam Islam. Jika dilihat kepada apa yang dilakukan oleh generasi ulama' terdahulu dalam penulisan-penulisan mereka, setiap keputusan hukum yang diambil bagi sesuatu kes yang berbangkit, bukannya berasaskan suatu penilaian ringkas dan simple namun ia merupakan hasil kajian dan penyelidikan mendalam terhadap sumber-sumber hukum yang ada yang dipadankan pula dengan keperluan dan realiti semasa masyarakat.

Dengan demikian, hukum yang dihasilkan lebih merupakan terjemahan kepada kehendak teks yang dirujuk dan keperluan semasa yang wujud. Oleh yang demikian, peluang untuk membuat kajian dan penyelidikan yang diperuntukkan bagi amalan fatwa negeri-negeri seharusnya dimanfaatkan dengan optimum. Dengan peluang tersebut, proses pengembangan hukum akan terus berlaku kerana fatwa akan berkembang dengan berkembangnya isu dan permasalahan dalam masyarakat. Bahkan ia merupakan terjemahan kepada realiti perhukuman yang berlaku dalam masyarakat.

(3) Pemberian kuasa dan autoriti yang lebih kepada jawatankuasa fatwa dalam penetapan fatwa.

Penetapan ini antara lainnya bersesuaian dengan konsep epistemologi hukum Islam yang menegaskan bahawa sesuatu fatwa atau pandangan hukum fiqh adalah merupakan hasil usaha penafsiran seseorang fuqaha yang bersifat zanni dan skeptik. Atas dasar ini seseorang fuqaha terkemudian bebas dan dibolehkan untuk mengubah, menolak ataupun mengubahsuai sesuatu pandangan fuqaha silam, yang difikirkan tidak bersesuaian dengan tuntutan sesuatu zaman.

Peluang pengembangan hukum, seumpama ini terus diperkukuhkan dalam amalan fatwa dengan memperuntukkan peluang untuk para Mufti merubah, meminda dan membatalkan mana-mana fatwa yang telah terlebih dahulu dikeluarkan samada oleh Mufti berkenaan mahu pun oleh mana-mana Mufti yang terdahulu. Sebagai contoh, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan, No.1 Tahun 1991 ada menyebutkan :

“Tertakluk kepada subseksyen (5) dan (6) seksyen 33, Mufti boleh meminda, mengubah atau membatalkan mana-mana fatwa yang terlebih dahulu dikeluarkan olehnya atau mana-mana Mufti terdahulu daripadanya”.

Peruntukan ini sebenarnya lebih merupakan penghayatan kepada konsep perubahan hukum dan fatwa. Dengan demikian, ia akan memberi ruang berlakunya fleksibiliti perundangan. Lebih-lebih lagi bagi fatwa-fatwa hukum yang digazetkan atau yang menjadi rujukan penghakiman di mahkamah. Bila mana ruang pembatalan dan pengubahsuaian ini berlaku, maka semakan dan penilaian semula fatwa-fatwa yang pernah diputuskan boleh berlaku secara selesa. Peruntukan ini sudah tentu tidak bermaksud memberi kebebasan secara mutlak, namun sebagai memberi ruang kepada berlakunya tajdid dan semakan terhadap keputusan-keputusan fatwa yang pernah diambil. Fatwa sebagaimana dimaklumi adalah pandangan hukum yang dihasilkan dari penafsiran dan pemahaman terhadap teks perundangan dengan mengikut keperluan persekitaran dan suasana semasa di mana fatwa dibentuk. Oleh itu, sudah tentulah apabila persekitaran fatwa sudah jauh berubah dan berkembang, maka kandungan fatwa juga perlu dilihat semula untuk diberikan nilai baru yang bersesuaian dengan persekitaran baru. Kebijaksanaan memahami kehendak teks perundangan dan kehendak zaman akan dapat membuktikan relevansinya hukum Islam dalam realiti kehidupan masyarakat yang sentiasa berkembang.

(4) Pendekatan yang lebih terbuka dalam soal pemilihan mazhab semasa mengeluarkan fatwa.

Selain itu ruang untuk melakukan pembaharuan hukum telah diperkukuhkan dengan peruntukan-peruntukan yang menyentuh rujukan fatwa. Meskipun rata-ratanya pandangan Shafie menjadi doktrin yang mengikat amalan fatwa di negeri-negeri di Malaysia (kecuali Perlis) namun ruang untuk tidak terikat dengan doktrin-doktrin tersebut telah secara nyata diperuntukkan dalam enakmen. Antara yang jelas dapat dilihat adalah seperti apa yang terkandung dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu, Bil. 12 Tahun 1986 yang menyebutkan :

"Dalam membuat dan mengeluarkan sebarang fatwa atau kaedah pengertian atas apa-apa perkara mengenai Hukum Syara' menurut seksyen 25, maka hendaklah Jawatankuasa Fatwa itu berpandukan kepada mazhab Shafie, kecuali bagi maksud kemuslihatan dan kebajikan orang-orang Islam maka bolehlah ia mengeluarkan fatwa atau kaedah pengertian berpandukan kepada mana-mana mazhab yang empat atau mazhab lain yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Fatwa". Menurut Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Sabah No. 13 Tahun 1992 pula ada menyebutkan perkara yang hampir sama:

"Semasa mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 35, atau mengesahkan apa-apa pendapat di bawah seksyen 39, Mufti hendaklah lazimnya mengikut pandangan-pandangan yang diterima (qaul muktamad) Mazhab Shafie. "

"Jika Mufti berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Shafie akan membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali".

"Jika Mufti berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Mufti bolehlah menyelesaikan soalan itu mengikut hematnya sendiri dengan tidak terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat."

Dengan peruntukan " . . . Mufti boleh memutuskan masalah itu mengikut pendapatnya dengan tiada terikat dengan qaul muktamad dari mana-mana mazhab yang empat atau seumpamanya, Mufti dan pihak berkuasa fatwa dengan itu mempunyai ruang ijtihad yang begitu luas dan selesa kerana mereka tidak lagi terikat dengan doktrin mazhab.

Meskipun di peringkat awalnya, perpindahan mazhab berlaku daripada pandangan muktamad Shafie kepada pandangan daifnya, sebagaimana dapat dilihat dari peruntukan berikut;

"Tatkala mengeluarkan sesuatu fatwa dengan jalan yang telah diisyaratkan dahulu itu maka hendaklah Majlis atau Jawatankuasa Fatwa pada lazimnya mengikut qaul yang muktamad daripada Mazhab Shafie. Dengan syaratnya jika Majlis atau Jawatankuasa Fatwa memikirkan bahawa dengan mengikut qaul muktamad itu akan menjadi berlawanan dengan masalah orang ramai maka bolehlah Majlis atau Jawatankuasa Fatwa mengikut qaul yang dhoif daripada Mazhab Shafie melainkan sekiranya DYMM bertitah berlainan dengannya dengan syaratnya lagi jika Majlis atau Jawatankuasa Fatwa memikirkan bahawa dengan mengikut sama ada qaul yang muktamad atau qaul yang dhoif daripada mazhab Shafie itu akan berlawanan dengan muslihat orang ramai maka bolehlah Majlis atau Jawatankuasa Fatwa dengan mendapat izin yang khusus daripada DYMM mengikut mana-mana satu daripada mazhab yang tiga lagi iaitu Hanafi, Maliki dan Hanbali mengikut bagaimana yang difikirkan sesuai akan tetapi di dalam mana-mana fatwa yang demikian maka syarat-syarat dan dasar-dasar yang akan diikuti itu hendaklah diterangkan dengan sejelas-jelasnya dan dengan semua huraian mustahak".

Namun perubahan telah berlaku dengan hanya membenarkan perpindahan berlaku dari qaul muktamad Shafie kepada qaul muktamad dari tiga mazhab yang lain. Kemudiannya laluan yang lebih terbuka telah diberikan kepada para Mufti untuk melakukan ijtihad menurut keperluan yang dirasakan sesuai dan munasabah. Dalam melakukan ijtihad tersebut, para Mufti tidak lagi terikat dengan doktrin-doktrin mazhab yang disebutkan bahkan mereka bebas menentukan kaedah yang sesuai berasaskan keperluan penyelesaian kes yang berbangkit. Perubahan paradigma dalam amalan fatwa ini sebenarnya adalah juga di antara tuntutan semasa yang wujud dalam masyarakat. Jika perubahan ini tidak disambut dengan penuh persediaan dan kebijaksanaan, peluang untuk melihat pembaharuan pemikiran hukum Islam tidak akan tercapai. Dengan ruang baru yang diperkenalkan sudah tentunya memberi keluasan kepada para Mufti untuk membuat keputusan fatwa berasaskan realiti dan keperluan semasa yang ada. Cuma yang menjadi persoalan sejauh mana ruang dan peluang yang ada

telah diterokai sepenuhnya dengan penuh kesungguhan dan tanggungjawab. Penelitian terhadap keputusan-keputusan fatwa yang dibuat selepas tempoh pindaan enakmen-enakmen negeri dilakukan, boleh menjadi kayu ukur kepada persoalan tersebut.

Penganalisaan yang dibuat terhadap keempat perkara di atas secara jelas menunjukkan bahawa institusi fatwa di Malaysia telah diresapi dengan elemen tajdid perundangan. Antara elemen tajdid yang kerap diperkatakan oleh gerakan tajdid adalah merangkumi tiga perkara yang utama; (i) usaha membangunkan sistem fiqh Islam sebagai formula penyelesaian masalah ummah yang lebih bersifat semasa dan tidak ketinggalan zaman, (ii) penggunaan sumber dan prinsip usul al-fiqh yang bersifat pro ijtihad dan (iii) penekanan kepada sifat dan pendekatan perundangan yang anti mazhab dan lebih terbuka di dalam pemilihan mazhab Islam.

(5) Syarat tambahan untuk memperkemaskan proses pembaharuan institusi fatwa di Malaysia

Tanpa menafikan unsur-unsur positif telah dicapai setakat ini dalam usaha pembaharuan institusi fatwa dalam konteks Malaysia, masih terdapat banyak perkara yang perlu diusahakan demi untuk menjadikan institusi fatwa ini terus relevan, berpengaruh dan mampu berfungsi dengan baik bagi kehidupan zaman moden. Apa yang lebih penting lagi, dicadangkan agar para pembaharu dan para anggota institusi fatwa ini menjalankan usaha untuk memperkasakan lagi institusi fatwa ini, dengan menggunakan pendekatan perancangan strategik berteraskan Islam. Secara kasarnya, perancangan strategik ini mengandungi beberapa pendekatan dan plan bertindak;

- (1) Penetapan visi, misi dan wawasan yang hendak dicapai oleh sesuatu organisasi.
- (2) Analisa SWOT terhadap anggota dan struktur dalaman sesuatu organisasi.
- (3) Perancangan SMART yang dirangka oleh sesuatu organisasi.

Merujuk khusus kepada perkara kedua, iaitu perancangan SWOT (*strength, weakness, opportunity dan treat*), kita boleh menegaskan kekuatan dan peluang utama yang kedapatan di dalam institusi fatwa adalah latar belakang sejarah berupakan kesan mendalam yang ditinggalkan oleh Islam akibat proses Islamisasi serta sistem pendidikan Islam Tanah Melayu sejak zaman berzaman. Di samping itu juga, asas kekuatan juga boleh didapati dari komitmen pihak kerajaan terhadap usaha pembaharuan Islam, perkembangan sistem pendidikan Islam yang lebih baik dan perkembangan teknologi maklumat (IT) dewasa ini yang memungkinkan batasan kawasan dipersempitkan (*borderless*) dan hubungan (kominikasi) yang lebih efensien membabitkan usaha mempertingkatkan kesedaran ukhuwah Islam sedunia dapat dilaksanakan.

Manakala sumber kelemahan dan ancaman pula boleh dirujuk kepada sikap fanatik mazhab, hilangnya tahap kesedaran iman diikuti dengan pudarnya semangat ukhuwwah Islam dan apa yang lebih penting lagi adalah gelombang globalisasi moden yang ditaja oleh dunia barat. Tanpa menafikan elemen positif yang dibawa oleh globalisasi, kebanyakan dari sarjana Islam semasa telah menggambarkan ancaman globalisasi semasa dengan penyebaran order baru dunia tajaan barat. Sikap skeptik ini bukan setakat disuarakan oleh sarjana Islam semata-mata bahkan turut dibimbangi oleh sarjana barat sendiri yang secara tegasnya telah meramalkan kesan negatif yang cukup besar bakal menimpa umat manusia sedunia dengan terlaksananya globalisasi ini.

KESIMPULAN

Pada dasarnya, jika dilihat secara keseluruhannya, kita akan mendapati bahawa institusi fatwa di Malaysia memang telah melalui proses pembaharuan yang boleh dibanggakan akibat dari kesedaran reformasi yang berkembang pesat dalam masyarakat, lanjutan dari arus kebangkitan semula Islam di tahun-tahun 1970-1980an. Bersesuaian dengan pendekatan perjuangan yang bersifat *solutionist* dan bukannya *opportunist*, maka kita perlu mengatasi kelemahan yang terdapat di dalam institusi fatwa dengan menerimapakai gagasan tajdid, iaitu dapat dijalankan dengan;

- (i) mewujudkan suatu kerangka metodologi pengeluaran hukum berasaskan ilmu usul al-fiqh yang seragam di antara semua negeri di Malaysia,
- (ii) menghapuskan jurang perbezaan antara negeri berpunca dari pengamalan budaya taqlid dan ketaatan kepada sesuatu negeri yang mempunyai seseorang sultan yang berbeza dengan negeri lain,
- (iii) menanam sikap terbuka, kesudian untuk terus mempelajari kemahiran moden dan sanggup berubah ke arah pembaharuan yang lebih canggih bersesuaian dengan kehendak zaman moden, memandangkan cabaran sekularisme akan mengenai kesemua ummah Islam dan,
- (iv) bersama-sama patut mendokong usaha pembaharuan di peringkat pusat dan menghargai peranan dan kesungguhan institusi pengajian tinggi Islam untuk menghidupkan sistem pengajian ala tajdid, seperti konsep fiqh Malaysia, yang bakal membekalkan kepada institusi fatwa untuk jangka panjangnya, serangkaian tenaga kerja yang berkelayakan.

RUJUKAN

Mohd Fauzi Hamat (2002), "Paradigma Tauhid Sebagai Motivator Terbudayanya Gaya Hidup Sihat Dalam Masyarakat" dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Kaunseling Berperspektif Islam, anjuran bersama UUM, JPA dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Quran 4: 61 dan 65; 24:46-49.

Asep Syamsul M. Romli, *Demonologi Islam: upaya Barat membasmi kekuatan Islam*, Jakarta, 2000, hlm 8-19.

M.B. Hooker, *Islamic law in Southeast Asia*, Singapore, 1984, hlm 36.

A.H. John, "Islam in the Malay world ", *Islam in Asia*, Jerusalem, 1984, v. 2, hlm 138.

M.B. Hooker, "The translation of Islam into South-East Asia", dalam *Islam in South-East Asia*, Leiden, 1983, hlm 9-11.

Patrick Sullivan, *Social relations of dependence in a Malay State: Nineteenth century Perak*, Kuala Lumpur, 1982, hlm 76.

Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Etika penyelidikan Islam: satu analisa", dalam *jurnal AFKAR*, bil. 1, 2000, hlm 188-190.

Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan aliran*, Jakarta, 1997, hlm 14-26.

Sabitha Marican, *Dasar awam di Malaysia: isu dan konsep*, Kuala Lumpur, 1997, hlm 63-90.

Ibid, hlm 102-120.

Abdul Majeed Mackeen, *Contemporary Islamic legal organization in Malaya*, New Haven, 1969, hlm 21-24.

L.A. Sheridan, "The religion of the Federation ", dalam *MLI*, 2, 1988, hlm xiii.

Husin Mutalib, *Islam And Ethnicity In Malay Politics*, Singapura, 1990, hlm 127-147.

Rahimin Affandi Abdul Rahim, " *Gerakan Tajdid di Malaysia* ", hlm 95-96.

Donald L. Horowitz, " *The Quran and the Common law : Islamic law reform and the theory of legal change* ", dalam *The American Journal Of Comparative law*, v. 4~, 1994, hlm 571 dan 575.

Azizah Dollah, (1994), *Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syariah, BAHEIS: Fungsi dan Organisasi. Latihan Ilmiah untuk Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya*, hlm. 55-58

Enakmen Pentadbiran Igama Islam lahar, Bil.I 4 Tahun 1978, seksyen 16(1), Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Selangor, Bil 3 Tahun 1952, seksyen 41(2), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah) Persekutuan, 1993, seksyen 36.

Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis, Bil 3 Tahun 1963,

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam tahun 1986.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak Bil. 2 Tahun 1992, seksyen 37(5) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Sabah, No.13 Tahun 1992, sek. 38 (6), Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor No.2 Tahun 1989, sek. 34 (5), Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak, No. I Tahun 1991, sek. 3 (7) Seksyen 39(6).

Mohd. Daud Bakar, *Instrumen Fatwa dalam Perkembangan Perundangan Islam*, *Jurnal Syariah*, Jilid 5 Bil. I, Januari 1997, hlm.8.

IRPA No. 07-02-03-0403

Ibid. hlm. 73.

Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Epistemologi hukum Islam : satu pengenalan", akan terbit di dalam Jurnal Usuluddin, bil. 15, 2002

Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan, 1/1991, sek. 32 (1), Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, 7/1993, sek. 38(1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2/1992, sek. 36(1) .

Enakmen Pahang No. 8/1982, sek. 39(1), enakmen Selangor No. 2/1989, sek. 36(1), Enakmen Terengganu, Bil. 12/1986, sek. 26(1), Enakmen Melaka No.5, /199'1, sek. 35(1),

Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Fiqh Malaysia: satu tinjauan sejarah", dalam Fiqh Malaysia: ke arah pembinaan Fiqh tempatan yang terkini, Kuala Lumpur, 2000, hlm 38-41.

Syarifah Hayaati Syed Ismail, "Perancangan strategik dalam pentadbiran Islam: suatu tinjauan perbandingan", dalam Jurnal Syariah, v. 9, bil 1, 2001, hlm 47-56.

Ahmad Jamali Sepihie, "Multimedia sebagai pemangkin kesatuan ummah", dalam Multimedia dan Islam, Kuala Lumpur, 1999, hlm 129-144.

John Esposito, Islam and Democracy, Oxford, 1996, hlm 143-144.

Muhammad Kamal Hasan, *Toward actualizing Islamic ethical and educational principles in Malaysia*, Kuala Lumpur, 1996, hlm 56-57 dan 93-97.